

28/02/2002

Pesawat pelbagai guna tangani kebakaran hutan

PUTRAJAYA, Rabu - Malaysia mungkin bekerjasama dengan Singapura, Indonesia dan Brunei untuk membeli pesawat pelbagai guna, Bombardier, dalam usaha menangani masalah kebakaran hutan dan pembakaran terbuka di rantau ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding, berkata pihaknya memikirkan kaedah itu memandangkan harga dan kos penyelenggaraan pesawat itu terlalu mahal.

Namun, katanya, masalah pembakaran terbuka, termasuk kebakaran hutan yang berleluasa ketika ini menuntut kerajaan memiliki pesawat berkenaan, yang didapati berkesan dalam memadam kebakaran.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya juga sedang memikirkan program khusus bagi mengoptimumkan penggunaan pesawat, termasuk operasi menyelamat, pengangkutan, kawalan perairan negara dan membendung kegiatan penyeludupan.

"Pesawat ini terlalu mahal begitu juga kos penyelenggaraannya. Namun, melihatkan kepada senario kebakaran terbuka, termasuk hutan yang berleluasa ketika ini, kementerian berpendapat negara perlu memiliki pesawat ini.

"Namun, kita perlu meneliti kaedah berkesan bagi memiliki pesawat ini sama ada dari Kanada atau Russia. Kerjasama dengan negara Asean adalah satu cara, selain mempelbagaikan kegunaan pesawat berkenaan," katanya, di pejabatnya di sini hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas berkata, kerajaan bercadang membeli dua pesawat Amfibian Bombardier CL-415 dari Kanada bernilai RM95 juta setiap satu bagi membantu operasi menyelamat, memadam kebakaran dan kawalan sekitar perairan negara.

Beliau berkata, kertas cadangan mengenai perkara itu akan dikemukakan untuk pertimbangan Kabinet. Pesawat dengan keupayaan menyauk 100 tan air itu digerakkan oleh dua enjin turboprop Pratt & Whitney Canada, dengan kelajuan maksimum 203 knots atau 376 kilometer sejam.

Ketika ini, 56 pesawat yang juga dikenali sebagai bomba udara itu dimiliki beberapa negara seperti Perancis, Kanada, Itali, Croatia dan Greece.

Selain itu, katanya, sebanyak 40 daripada 86 bangunan melebihi ketinggian 60 meter di ibu kota sudah memasang alat semburan air di premis masing-masing dalam usaha menangani jerebu dan pencemaran udara.

Beliau berkata, langkah itu sejajar dengan Akta Undang-undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan (Pindaan 2000) mewajibkan premis dengan ketinggian melebihi 60 meter memasang alat semburan bagi menangani pencemaran udara.

Law berkata, kaedah penyemburan air didapati dapat membantu mengurangkan pencemaran udara selain menyejukkan persekitaran antara tiga dan empat darjah selsius.

"Kita gembira dengan penambahan bilangan bangunan yang memasang alat ini, berbanding hanya 29 buah setakat 26 Julai lalu. Sehubungan itu, kita bercadang mengadakan majlis pelancaran awal Mei depan, yang akan disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Sementara itu, Law berkata, Malaysia akan mempertimbangkan untuk menandatangani Perjanjian Antartika bagi memastikan kepentingan Antartika sebagai warisan dunia, terus terpelihara.

Beliau berkata, langkah itu akan dapat memastikan suara Malaysia mempertahankan Antartika daripada ditakluki atau dituntut mana-mana pihak,

didengari dunia.

(END)